

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]
TARIKH : 19 MAC 2015
SOALAN :

YB Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian mempunyai peruntukan undang-undang untuk mengambil tindakan tegas sekiranya menerima aduan berhubung lokasi pembiakan nyamuk aedes yang menyebabkan kadar kematian akibat demam denggi yang meningkat.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan YB Kuala Selangor berkenaan peruntukan undang undang bagi premis yang didapati membiak nyamuk aedes, KKM menguatkuasakan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 bagi tujuan pemusnahan dan kawalan serangga pembawa penyakit. Di bawah sub seksyen 13(1) akta ini, tiada seorang pun boleh melaku atau menjalankan apa-apa tindakan yang boleh, atau yang mungkin, menimbulkan sesuatu keadaan yang boleh membiakkan

dan memberi perlindungan kepada serangga pembawa penyakit, atau membenar atau membiarkan keadaan itu terjadi atau berterusan.

Jika aduan yang diterima adalah berasas setelah pemeriksaan dijalankan, tindakan tegas yang boleh diambil adalah pendakwaan kes di mahkamah, di mana bagi kesalahan pertama didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya jika didapati bersalah oleh mahkamah.

Kesalahan kedua didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan berterusan didenda tidak melebihi RM500 bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu diteruskan.

NO. SOALAN: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 19 MAC 2015

RUJUKAN : 7702

SOALAN:

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terperinci kes pembunuhan di bawah Kanun Keseksaan 302 yang melibatkan 2 mangsa iaitu Koh Poi Lim (KP: 501123-05-5219) dan Yee Ah Kiw (KP: 530329-05-5380) dan berapakah suspek yang telah didakwa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kejadian berlaku pada 5 Mac 2012 pada jam lebih kurang 11.30 pagi di kawasan rumah No 2, Ladang Salak Siliau, Lukut, Port Dickson. Daripada siasatan yang dijalankan mendapati mangsa hanya tinggal berdua di rumah tersebut dan telah menetap di situ lebih kurang 40 tahun. Kawasan tempat kejadian adalah terpencil dan jarak dari jalan besar adalah lebih kurang 3 km dan di sekeliling kawasan tempat kejadian adalah kawasan kebun kelapa sawit. Hanya terdapat rumah mangsa sahaja di kawasan tersebut.

Siasatan awal telah dijalankan di tempat kejadian mendapati semasa anak mangsa datang untuk melawat kedua ibu bapanya dan dapati pintu rumah dalam keadaan terbuka dan nampak ibunya dalam keadaan terbaring di bahagian ruang tamu rumah dalam keadaan berlumuran darah. Setelah itu beliau terus mencari ayahnya dan mendapati ayahnya telah terbaring di bahagian belakang rumah juga dalam keadaan berdarah. Kedua-dua mangsa telah di hantar ke Hospital Seremban dan disahkan meninggal dunia kemudiannya.

Pada 17 Mac 2012, 3 suspek lelaki India telah ditangkap bersabit Lukut Report 690/12 dan dituduh di Mahkamah, kes masih dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]

TARIKH : 19 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 24

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha bagaimana untuk meningkatkan rangkaian landasan kereta api bagi menghubungkan bandar-bandar utama di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Senarai IIA – Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak di dalam ***Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan*** telah menetapkan bahawa perkara-perkara berkaitan Keretapi Negeri Sabah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah.

Sehubungan itu, sebarang perancangan berkaitan pembangunan rangkaian landasan keretapi bagi menghubungkan bandar-bandar utama di Sabah adalah terletak di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah, khususnya Kementerian Pembangunan Infrastruktur Negeri Sabah. Pada masa sekarang, Kerajaan Persekutuan belum menerima sebarang cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah berhubung pembangunan rangkaian landasan keretapi baru sebagai tambahan kepada rangkaian keretapi sedia ada di bawah kendalian Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS) yang menghubungkan Tanjung Aru dengan Beaufort seterusnya ke Tenom.

Namun begitu, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan kepada JKNS bagi kerja-kerja pemodenan jangka pendek rangkaian landasan keretapi sedia ada pada tahun 2005 sebanyak RM335 juta yang terdiri daripada RM133.8 juta bagi sektor Tanjung Aru – Kimanis dan RM201 juta bagi sektor Kimanis – Tenom.

Sebarang cadangan pembangunan kemudahan keretapi, termasuk di Sabah, perlu dikaji kesesuaiannya mengambilkira kos yang perlu

dibelanjakan serta pulangan dari segi bilangan penumpang serta jumlah barangan (*freight*) yang dijangkakan akan diangkut oleh perkhidmatan keretapi yang ingin dibangunkan. Kajian ini perlu bagi memastikan bahawa negara memperoleh pulangan yang setimpal dengan pelaburan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dalam membangunkan sesuatu kemudahan rel tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 19 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 25

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rumusan sebab-sebab utama Kementerian atas kenaikan begitu tinggi kos KLIA 2 daripada kos asalnya

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin saya perelaskan disini bahawa projek KLIA2 sebenarnya adalah sebuah projek oleh pihak swasta iaitu Malaysia Airports Holdings Berhad ("MAHB") sebuah syarikat yang di senaraikan dalam pasaran Bursa. Kos untuk projek tersebut dibiayai sepenuhnya oleh MAHB dan Kementerian Pengangkutan tidak terlibat secara langsung mahupun menyediakan sebarang peruntukan kos bagi projek tersebut. Tujuan KLIA2 dibina adalah untuk menggantikan terminal sementara (LCCT) yang telah mencapai kapasiti optimum. KLIA2 di bina untuk menampung sehingga 45 juta penumpang setahun kerana di sebabkan oleh permintaan penumpang untuk syarikat penerbangan tambang murah yang pesat berkembang terutama di negara-negara Asia. Kos RM2 billion yang telah disebutkan sebenarnya adalah anggaran awal pada tahun 2009. Anggaran ini tidak mengambilkira '*design concept*' baru KLIA2 ataupun keperluan terperinci '*stakeholder*' seperti syarikat penerbangan dan kerajaan.

Sebagai rumusan, peningkatan skop kerja KLIA2 yang menyebabkan kenaikan kos adalah seperti berikut:

Keperluan pihak penerbangan:

1. Penaiktarafan kapasiti terminal daripada 30 juta penumpang setahun kepada 45 juta penumpang setahun.
2. Peningkatan saiz ruang bangunan terminal daripada 150,000 meter persegi kepada 257,000 meter persegi.

3. Penggunaan sistem bagasi daripada manual kepada automasi penuh.
4. Penambahan pintu berlepas dan parkir pesawat daripada 50 kepada 68.

Keperluan pengguna awam:

1. Menyediakan 80 buah 'aerobridge' untuk kegunaan penumpang.

Keperluan daripada pihak agensi penguatkuasaan kerajaan:

1. Menara kawalan trafik udara baru
2. Jalan raya dan infrastruktur baru (berjumlah 15km)
3. Pengasingan di antara penumpang ketibaan dan berlepas di ruang domestik dan antarabangsa untuk mengatasi masalah jenayah penyeludupan dadah dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua,

KLIA2 sebenarnya dibina dengan kos yang berpatutan berbanding dengan kos pembinaan lapangan terbang lain di seluruh dunia. Misalnya, terminal baru di negara lain seperti Singapura, Korea Selatan dan India mencecah RM3.5 hingga RM5 billion hanya untuk bangunan terminal sahaja tanpa pembinaan infrastruktur di kawasan sekeliling. Walau bagaimanapun, keputusan pihak MAHB yang menyebabkan kenaikan kos adalah keputusan komersil pihak Lembaga Pengarah MAHB setelah mengambil kira faktor-faktor keselamatan, operasi dan pembangunan jangka masa panjang lapangan terbang tersebut.